Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

41 **Sektor Perbankan**
45 **Sektor Insurans dan Takaful**
50 **Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun Bagi Bank Dan Penanggung Insurans**
53 *Rencana: Mengurus Risiko Perdagangan Komoditi dalam Urus Niaga Kewangan Islam*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Permodalan Sektor Perbankan Kekal Kukuh[1] Lantas Mempertingkat Daya Tahan Bank Terhadap Potensi Tekanan Akibat Kejutan Kewangan dan Makroekonomi yang Teruk

Semua bank terus mengekalkan nisbah modal yang jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan (Rajah 2.1), disokong oleh keuntungan yang berterusan dan kualiti aset yang terus kukuh. Profil risiko keseluruhan bank juga pada amnya stabil, dengan nisbah aset wajaran risiko kepada jumlah aset[2] sebahagian besarnya kekal tidak berubah dalam tempoh kebelakangan ini, iaitu sekitar 58%.


Keuntungan yang mampan dan kualiti aset yang kukuh telah memperkukuh kesolvenan sistem perbankan

Pada separuh kedua tahun 2019, keuntungan sistem perbankan terus melebihi anggaran kos modal purata[3] (Rajah 2.2) lantas mengukuhkan lagi kedudukan kesolvenan bank. Keuntungan sebelum cukai bank mencatatkan pertumbuhan tahunan 15.4%, disokong oleh peningkatan pendapatan bukan faedah yang kukuh (Rajah 2.3). Kegiatan pengambilan untung oleh bank dalam pasaran bon kerajaan berikutan penurunan kadar hasil pada separuh kedua tahun 2019 telah menjana pendapatan perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi. Pertumbuhan pendapatan fi dan komisen adalah sejajar dengan langkah bank baru-baru ini untuk mempelbagaikan sumber pendapatan menerusi jualan silang produk pengurusan kekayaan dan insurans.

Sebaliknya, pertumbuhan pendapatan faedah bersih daripada aktiviti pembiayaan yang menyumbang kepada kebanyakan (kira-kira dua pertiga) daripada pendapatan kasar bank, menjadi sederhana. Hal ini disebabkan oleh pertumbuhan kredit yang lebih perlahan dan penyusutan selanjutnya dalam margin faedah bank.[4] Berikutan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada bulan Mei 2019 dan

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Permodalan

Bank-bank mengekalkan tahap permodalan kukuh



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekal modal tahun 2018 (1.875%) dan 2019 (2.5%) dan keperluan modal lebih tinggi khusus bagi bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Kebanyakan modal bank (78%) dipegang dalam bentuk instrumen modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 seperti saham biasa dan perolehan tertahan, yang dianggap sebagai bentuk modal yang paling diyakini dan berkualiti tinggi untuk menyerap kerugian.


[2] Nisbah ini mengukur risiko aset bank secara relatif. Nisbah (atau kepadatan wajaran risiko) yang lebih tinggi pada amnya menunjukkan pengambilan risiko yang lebih tinggi oleh bank. Kepadatan wajaran risiko sistem perbankan di Malaysia pada amnya kekal stabil dalam tempoh kebelakangan ini (Disember 2019: 57.6%; Jun 2019: 58.3%; Disember 2018: 58.2%).

[3] Anggaran kos modal purata bank di negara ini dibuat menggunakan Model Penentuan Harga Aset Modal.

[4] Untuk perbincangan lanjut mengenai trend yang mempengaruhi margin faedah bank, rujuk rencana bertajuk 'Keuntungan Bank-bank Malaysia – Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan - Separuh Pertama 2019.

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Keuntungan

Keuntungan bank kekal kukuh




Nota: Kos modal purata bagi bank di Malaysia merujuk purata pulangan tahunan saham yang dijangka bagi semua bank tersenarai yang dianggarkan menggunakan Model Penentuan Harga Aset Modal

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai

Pertumbuhan keuntungan bank didorong oleh pendapatan bukan faedah



Nota: Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka ST2 2019 dan ST2 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

suku pertama 2020, pelarasan kos pendanaan bank yang lebih perlahan (berbanding dengan penentuan semula kadar pinjaman terapung) akan mempengaruhi margin faedah.[5] Walau bagaimanapun, memandangkan bank pada amnya masih berhemat dalam pengambilan risiko mereka, perolehan bank yang terjejas dijangka ditampung oleh pendapatan bukan faedah yang lebih tinggi, pertumbuhan pinjaman yang berterusan dan pengurangan beban peminjam untuk membayar balik hutang. Oleh itu, pengurangan pendapatan faedah bersih daripada kadar dasar penanda aras yang lebih rendah sebahagian besarnya dijangka boleh terus diurus oleh bank.

Risiko kadar faedah dalam akaun perdagangan dan perbankan juga kekal rendah meskipun pemegangan bon korporat dan instrumen deposit boleh niaga oleh beberapa kumpulan perbankan domestik telah meningkat. Keadaan ini mencerminkan pengurusan risiko dan strategi lindung nilai bank yang mantap, yang terus membendung dedahan kerugian ke tahap berhemat yang mampu ditampung oleh setiap bank.


Potensi kerugian kredit dan pasaran masih boleh ditampung oleh penampan kewangan bank

Bank-bank terus mengekang kos operasi melalui usaha berterusan dalam memperkemas dan mengautomasikan proses pengendalian urusan serta mengoptimumkan kehadiran cawangan fizikal mereka. Secara agregat, nisbah kos operasi kepada pendapatan kekal stabil pada 44.7%. Pinjaman terjejas bagi kebanyakan portfolio kredit kekal rendah dan bahagiannya daripada jumlah pinjaman sistem perbankan terus stabil pada 1.5% (Rajah 2.4). Seperti pemerhatian sebelum ini, prestasi pinjaman segmen tertentu dalam sektor isi rumah dan perniagaan merosot sedikit. Namun begitu, potensi kerugian masih dalam lingkungan penampan kewangan bank (untuk maklumat lanjut, rujuk bahagian risiko kredit). Berikutan tercetusnya pandemik COVID-19, bank menjangkakan bahagian pinjaman yang distrukturkan dan dijadualkan semula akan meningkat, terutamanya bagi peminjam

[5] Ini juga sebahagiannya disebabkan oleh profil pendanaan bank yang lebih stabil dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Bank-bank kini mempunyai bahagian deposit tetap yang lekit dan bertempoh panjang yang lebih besar, berikutan pelaksanaan keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai oleh Bank Negara Malaysia dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih yang akan berlaku.

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Kualiti Aset


Nisbah pinjaman terjejas kekal rendah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Peruntukan

Bank-bank terus mengekalkan penampan yang kukuh terhadap kemungkinan kerugian kredit



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam segmen perniagaan yang paling terjejas akibat pandemik tersebut. Ini dijangka meningkatkan peruntukan dalam jangka masa pendek. Berikutan peruntukan yang berhemat untuk mengukuhkan penampan sejak sekian lama, bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap impak yang mungkin memberikan kesan ke atas keuntungan. Jumlah peruntukan, termasuk rizab pengawalseliaan yang dipegang oleh bank untuk kerugian kredit, berjumlah RM33.9 bilion atau 126.4% daripada pinjaman terjejas pada akhir tahun 2019 (Rajah 2.5). Hasil daripada usaha pemantauan dan pemulihan yang aktif, beberapa bank mencatatkan jumlah pinjaman terjejas yang lebih rendah bagi akaun kredit besar terpilih pada bulan Disember. Perkembangan ini lantas telah mengekalkan kualiti aset keseluruhan.


Risiko daripada operasi luar negeri DBG kekal rendah meskipun persekitaran ekonomi serantau adalah lembap

Keadaan ekonomi serantau yang lebih lemah telah menjejaskan prestasi operasi kumpulan perbankan domestik (DBG)[6] di luar negeri pada separuh kedua tahun 2019 (Rajah 2.6).

Operasi DBG di Singapura, yang mencakupi hampir separuh daripada jumlah aset luar negeri (Rajah 2.7), terus menghadapi rintangan di tengah-tengah persekitaran operasi yang mencabar. Nisbah

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri

Operasi luar negeri kekal mencatat keuntungan meskipun keadaan ekonomi lebih lemah




Nota: Purata penunjuk kewangan utama diwajarkan mengikut saiz aset operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Merujuk pejabat luar negeri kumpulan perbankan domestik (DBG) (cawangan dan anak syarikat) yang beroperasi di luar Malaysia dan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC). Secara kumulatif, DBG mempunyai operasi di 14 negara luar, dengan operasi utamanya di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.

Rajah 2.7: Sistem Perbankan – Komposisi Aset Operasi Luar Negeri

Operasi luar negeri terus tertumpu di Singapura dan Indonesia



Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman terjejas kekal tinggi pada 3.8% (Jun 2019: 3.5%) disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman terjejas baharu berbanding dengan pemulihan pinjaman dalam tempoh tersebut. Di Indonesia, DBG menambah peruntukan kerugian pinjaman ekoran prestasi pertumbuhan domestik yang lebih sederhana dengan nisbah pinjaman terjejas meningkat kepada 4.1% (Jun 2019: 3.6%). Meskipun demikian, operasi perbankan di Indonesia terus kukuh seperti ditunjukkan oleh purata wajaran pulangan atas ekuiti pada 9.8% (Jun 2019: 10.4%).

Sementara itu, kesan daripada pergolakan sosial yang semakin meruncing dan ketidakpastian politik di Hong Kong SAR adalah terhad. Hal ini kerana operasi luar negeri di Hong Kong SAR secara relatif adalah kecil berbanding dengan pasaran lain. Beberapa DBG telah pun mengehadkan aktiviti perbendaharaan dan kegiatan antara bank mereka. Langkah ini lantas telah mengurangkan lagi jumlah dedahan di Hong Kong SAR (pertumbuhan tahunan aset pada tahun 2019: -6.8%). DBG mencatatkan prestasi perolehan yang lebih baik di Thailand berikutan keadaan ekonomi negara itu yang secara relatif lebih kukuh. Keadaan ini lantas menyumbang kepada pendapatan faedah yang lebih tinggi dan kualiti aset yang bertambah baik.

Kesan daripada pandemik COVID-19 ke atas ekonomi di rantau ini akan terus mempengaruhi prestasi operasi luar negeri DBG. Pada separuh pertama tahun 2020, langkah-langkah utama yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menyokong perniagaan yang terjejas dijangka mengurangkan kerugian kredit kepada bank. Berdasarkan ujian tekanan dalaman yang dijalankan oleh bank, potensi kesan kemerosotan selanjutnya ke atas prestasi operasi luar negeri DBG dijangka terurus kerana operasi mereka di Malaysia masih merupakan penyumbang terbesar (84.5%) kepada keuntungan keseluruhan.

Bagi tahun 2020, bank menjangkakan pertumbuhan kredit yang lebih perlahan berbanding dengan tahun 2019. Jangkaan ini amat bergantung pada tempoh pandemik COVID-19. Meskipun impak COVID-19 akan menjejaskan ekonomi dengan ketara dalam jangka pendek, bank menghadapi tempoh ini daripada kedudukan yang kukuh, disokong oleh penampan modal dan mudah tunai yang teguh. Pengurusan risiko kredit yang berhemat dan sumber pendapatan yang pelbagai akan menyumbang kepada keuntungan. Tambahan pula, strategi pendigitalan bank dijangka terus memacu operasi untuk menjadi lebih cekap, sekali gus menyokong keuntungan jangka panjang dan daya maju secara keseluruhan.

Sebagai tindak balas kepada pandemik COVID-19, Bank juga telah mengumumkan siri langkah pengawalseliaan bagi menyokong usaha bank-bank membantu isi rumah dan perniagaan yang terjejas. Bank-bank dibenarkan menggunakan penampan modal dan penampan mudah tunai mereka bagi menyokong kegiatan pemberian pinjaman. Kesemua penampan ini, yang terkumpul sejak sekian lama, bersama-sama pengurusan mudah tunai oleh Bank, telah meletakkan bank pada kedudukan yang kukuh untuk menyokong ekonomi dalam keadaan yang serba mencabar ini. Keuntungan bank yang mampan telah disokong oleh amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko yang mantap. Faktor-faktor ini juga akan membantu bank menambah semula penampan mereka secara beransur-ansur apabila tempoh fleksibiliti ini tamat.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor Insurans dan Takaful Terus Mempunyai Tahap Permodalan yang Kukuh


Sektor insurans dan takaful mengekalkan penampan modal yang kukuh pada separuh kedua tahun 2019, jauh melebihi paras pengawalseliaan yang ditetapkan pada 130% (Rajah 2.8). Penampan modal bagi risiko insurans dan takaful, iaitu komponen terbesar daripada jumlah modal yang diperlukan, sebahagian besarnya kekal stabil selaras dengan persekitaran tuntutan yang agak sederhana. Sebaliknya, persekitaran kadar faedah yang rendah dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah meningkatkan keperluan penampan modal penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) terhadap dedahan risiko pasaran. Meskipun persekitaran kadar faedah yang rendah ini menimbulkan beberapa cabaran, terutamanya terhadap prestasi dana insurans hayat dan takaful keluarga sekiranya kadar faedah terus menurun, perkembangan ini dijangka tidak menyebabkan kesan yang besar terhadap keuntungan atau kesolvenan penanggung insurans (rujuk Rencana Maklumat 'Menilai Kesan Kadar Faedah yang Menurun Terhadap Kedudukan Kesolvenan Penanggung Insurans Hayat').

Keuntungan sektor insurans hayat dan takaful keluarga disokong oleh perolehan pelaburan daripada pemegangan instrumen hutang

Secara agregat, sektor insurans dan takaful mencatat keuntungan yang lebih tinggi[7] pada separuh kedua tahun 2019 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh prestasi lebih baik yang ditunjukkan oleh sektor insurans hayat dan takaful keluarga (Rajah 2.9) hasil daripada perolehan yang dijana daripada pelaburan dalam instrumen hutang berikutan kadar faedah yang rendah. Sehubungan dengan

Rajah 2.8: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal agregat jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

itu, pulangan atas pelaburan secara keseluruhan meningkat (ST2 2019: 2.6%; ST2 2018: 1.9%), lantas mengimbangi prestasi pelaburan ekuiti yang lebih lemah bagi penanggung insurans.

Pendapatan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga terus disokong oleh pertumbuhan premium bersih daripada perniagaan yang sedia ada dan baharu. Premium baharu terus mengekalkan pertumbuhan kukuh yang dicatat pada separuh pertama tahun 2019, yang didorong oleh jualan polisi takaful biasa, produk endowmen dan produk insurans hayat tanpa sertaan yang lebih tinggi (Rajah 2.10). Pertumbuhan perniagaan takaful keluarga biasa yang kukuh sebahagian besarnya mencerminkan jualan berterusan produk takaful gadai janji dan produk berkaitan kredit dalam tempoh tersebut.


Pertumbuhan perniagaan berkaitan pelaburan kekal pada 7% bagi seluruh tahun 2019. Meskipun terdapat pelarasan terhadap keperluan pengawalseliaan baharu[8] yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2019 untuk menambah manfaat kepada pemegang polisi, perniagaan baharu menunjukkan prestasi yang lebih baik (+11%) pada separuh kedua tahun 2019 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Namun, masih terlalu awal untuk menilai kesan daripada keperluan

[7] Bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga, keuntungan merujuk lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi dana insurans hayat dan takaful keluarga. Ini seperti yang diukur oleh lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

[8] ITO perlu mematuhi keperluan Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate*, MAR) yang menetapkan bahagian minimum premium/sumbangan bagi polisi/sijil berkaitan pelaburan yang perlu diperuntukkan kepada dana unit pelaburan, serta Ujian Kemampanan yang menghendaki premium/sumbangan berkaitan pelaburan ditetapkan pada tahap yang mampan untuk memastikan perlindungan dapat dikekalkan bagi keseluruhan tempoh polisi/sijil. Kesemua keperluan ini akan dilaksanakan secara berperingkat antara bulan Julai 2019 hingga Julai 2020.

Rajah 2.9: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih tinggi didorong perolehan tidak direalisasi bersih




* Lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk

Keseluruhan perniagaan baharu kekal merekodkan pertumbuhan positif



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang ditetapkan terhadap keuntungan jangka panjang. Walau bagaimanapun, ITO telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurus kesan tersebut. Langkah-langkah itu termasuk memperkemas reka bentuk produk mereka, meningkatkan sokongan insurans semula/takaful semula atau mengimbangkan semula portfolio perniagaan. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan apa-apa kesan jangka panjang terhadap keuntungan, meskipun takat pelarasan oleh ITO hanya akan menjadi lebih jelas pada tahun yang akan datang.

Prestasi perniagaan juga telah mendapat manfaat daripada kadar ketegaran (*persistency*) yang bertambah baik hasil daripada pelaksanaan inisiatif Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*, BSC). BSC menyelaraskan dengan lebih baik insentif jualan dengan kualiti khidmat nasihat yang disediakan untuk individu yang membeli produk insurans atau takaful. Pada tahun 2019, ejen yang telah mencatat kadar ketegaran[9] melebihi 90% pada tahun pertama operasi telah bertambah sebanyak lebih 800. Penambahbaikan yang berterusan terhadap amalan jualan yang dipacu oleh BSC dijangka akan menyumbang kepada keuntungan selain mengurangkan risiko salah jual produk.

Dalam sektor insurans am dan takaful am, keuntungan menyusut pada separuh kedua tahun 2019 disebabkan terutamanya oleh pembayaran tuntutan motor yang lebih tinggi (+6%) (Rajah 2.11). Pada masa hadapan, beberapa faktor dijangka terus mendorong tuntutan yang lebih tinggi dalam segmen motor. Faktor ini termasuk pindaan terhadap Akta Undang-undang Sivil 1956 dan *Compendium of Personal Injury Awards*, yang masing-masing telah berkuat kuasa pada bulan September 2019 dan Oktober 2018, lantas memperluas skop dan jumlah pampasan yang perlu dibayar atas sebab kehilangan nyawa, hilang mata pencarian, hilang tempat bergantung dan kecederaan diri. Hal ini dijangka meningkatkan sehingga 3.3% kos purata tuntutan kecederaan anggota badan pihak ketiga dan liabiliti penumpang.

Keuntungan sektor insurans am dan takaful am menyusut disebabkan oleh prestasi pengunderaitan yang lebih lemah, terutamanya dalam segmen motor

Selain itu, kos untuk membaiki kenderaan model baharu terus meningkat. Namun, fleksibiliti yang lebih besar telah diberikan kepada ITO bagi penetapan harga di bawah fasa-fasa liberalisasi Tarif Motor. Perkara ini telah mengurangkan sebahagian daripada kesan tekanan akibat kenaikan kos tuntutan ke atas prestasi pengunderaitan keseluruhan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada pelarasan premium adalah pada tahap yang kecil, iaitu dalam lingkungan 10% kadar tarif bagi kebanyakan polisi. Hal ini mencerminkan penggunaan panduan pengawalseliaan serta tekanan

[9] Merujuk produk baharu yang dijual/dipasarkan (selain produk premium atau sumbangan tunggal) yang masih berkuat kuasa pada akhir tahun polisi atau sijil yang berikutnya.

persaingan yang terdapat dalam industri. Rundingan yang sedang berjalan dengan pihak Kerajaan dan industri mengenai fasa liberalisasi seterusnya menumpukan pada pemberian insentif yang lebih baik bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan ketelusan dalam penilaian tuntutan serta kos pembaikan. Hal ini bertujuan untuk memastikan premium yang dikenakan adalah berpatutan. Langkah ini penting supaya pengguna terus mempunyai akses kepada insurans motor tanpa menjejaskan kesolvenan ITO.


Prestasi ITO am secara keseluruhan terus disokong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan premium dalam segmen motor dan kebakaran yang mencakupi lebih 70% daripada jumlah premium kolektif (Rajah 2.12). Pada tahun 2019, kadar pertumbuhan premium bagi kesemua segmen ini adalah sederhana sedikit, selaras dengan jualan kenderaan bermotor yang menurun serta harga produk berkaitan kebakaran baharu yang lebih kompetitif.[10] Liberalisasi tarif kebakaran secara berperingkat boleh memberikan tekanan berterusan terhadap keuntungan walaupun ITO dijangka mengekalkan margin pengunderaitan yang positif berdasarkan pengalaman tuntutan lalu yang menggalakkan.

Pandemik COVID-19 dan impaknya ke atas aktiviti ekonomi dan pasaran kewangan akan menjejaskan pertumbuhan premium dan sumbangan pada tahun 2020. Sebagai tindak balas kepada pandemik tersebut, Bank juga telah menyokong beberapa langkah oleh ITO untuk terus mengekalkan perlindungan kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful yang menghadapi kekangan kewangan berikutan pandemik itu. Langkah-langkah ini termasuk fleksibiliti tambahan kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful untuk memasukkan semula atau meminda polisi mereka bagi mengekalkan perlindungan, pengecualian fi dan caj tertentu, serta pilihan untuk menangguhkan bayaran premium dan sumbangan tanpa menjejaskan perlindungan mereka.

Berdasarkan penilaian dalaman, ITO mampu menyerap impak pertumbuhan premium dan sumbangan yang lebih perlahan serta menampung langkah-langkah bantuan yang diberikan tanpa menjejaskan kemampuan membayar tuntutan. Bank juga telah mengambil langkah-langkah untuk mencerminkan penambahbaikan yang dirancang terhadap rangka kerja modal ITO bagi menambah baik rangkuman risiko dan konsistensi keseluruhan rangka kerja tersebut. Kesemua penambahbaikan ini dijangka menampung impak terhadap kesolvenan berikutan langkah-langkah bantuan tersebut, serta mengurangkan risiko tingkah laku prokitaran oleh ITO susulan volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan. Langkah-langkah yang diambil dijangka membolehkan ITO terus menyokong isi rumah dan perniagaan dalam mengurus risiko mereka sepanjang tempoh keadaan yang luar biasa ini.

Rajah 2.11: Sektor Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi


Keuntungan operasi menurun sedikit disumbangkan oleh keuntungan pengunderaitan yang rendah, terutamanya daripada segmen motor



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.12: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk

Premium langsung kasar meningkat lebih perlahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Di bawah fasa 1 liberalisasi tarif, ITO am boleh memperkenalkan produk baharu dan perlindungan tambahan yang ditawarkan pada harga yang ditentukan pasaran.

Menilai Kesan Kadar Faedah yang Menurun Terhadap Kedudukan Kesolvenan Penanggung Insurans Hayat


Latar Belakang

Syarikat insurans hayat pada amnya beroperasi dengan jurang tempoh negatif disebabkan oleh kurangnya aset kewangan jangka panjang yang tersedia untuk dipadankan dengan tempoh liabiliti mereka - yang terhasil daripada produk yang mempunyai tempoh polisi yang jauh lebih panjang, iaitu lebih daripada 15 tahun. Oleh itu, kadar faedah yang menurun boleh memberikan kesan yang lebih besar disebabkan oleh pelarasan menaik dalam nilai liabiliti[11] yang melebihi aset. Hal ini seterusnya akan mengurangkan kedudukan kesolvenan penanggung insurans hayat. Memandangkan persekitaran kadar faedah rendah yang berpanjangan, satu analisis sensitiviti telah dijalankan untuk menilai kedudukan kesolvenan penanggung insurans hayat Malaysia di bawah senario penurunan kadar faedah.

Metodologi

Analisis sensitiviti membuat penilaian perubahan nilai aset dan liabiliti penanggung insurans hayat bagi setiap dana (iaitu sertaan, tanpa sertaan dan berkaitan pelaburan) berikutan penurunan yang sejajar dalam kadar faedah antara 50 hingga 200 mata asas (*basis points*, bps) (Gambar Rajah 2.1). Penilaian ini dibuat secara berasingan bagi setiap dana selaras dengan keperluan[12] yang ditetapkan kepada penanggung insurans untuk mengekalkan kedudukan kesolvenan minimum pada peringkat dana. Dalam menilai impak terhadap kedudukan kesolvenan dana, penilaian tidak mengambil kira penampan tambahan dalam dana pemegang saham dan lebihan sepiawai (*fungible surpluses*) daripada dana lain yang biasanya digunakan untuk mengimbangi apa-apa defisit yang mungkin timbul. Hasil keputusan pada peringkat dana kemudiannya digunakan untuk membuat anggaran kesannya kepada nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) pada peringkat syarikat. Bagi analisis ini, nilai aset yang tidak sensitif

Gambar Rajah 2.1: Ilustrasi Mengenai Pendekatan Analisis Sensitiviti



*Sensitiviti merujuk jangkaan perubahan dalam penilaian aset dan liabiliti bagi dana tertentu apabila kadar faedah menurun sebanyak 100 mata asas

Sumber: Bank Negara Malaysia

[11] Liabiliti insurans diperoleh dengan mengira nilai kini bersih bagi bayaran manfaat dan perbelanjaan masa akan datang. Kadar bebas risiko atau kadar pulangan dalaman lazimnya digunakan sebagai faktor diskaun.

[12] Berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA), semua penanggung insurans berlesen dikehendaki mengekalkan aset dalam sebuah dana insurans dengan nilai yang setara atau lebih tinggi daripada liabiliti dana tersebut.

kepada kadar faedah diandaikan kekal tidak berubah. Andaian ini dianggap konservatif memandangkan nilai aset seperti ekuiti dan harta tanah lazimnya bertambah apabila kadar faedah menurun.

Keputusan dan dapatan

Berdasarkan analisis sensitiviti tersebut, sektor insurans hayat Malaysia dijangka terus berdaya tahan dengan agregat CAR industri kekal melebihi paras pengawalseliaan yang ditetapkan pada 130%, walaupun dalam senario penurunan kadar faedah yang setara sebanyak 200 bps. Keputusan tersebut mencerminkan pengalaman tuntutan yang positif dan kuasa penentuan harga yang kukuh yang ada pada penanggung insurans hayat. Daripada 42 dana yang ditawarkan oleh kesemua 14 penanggung insurans hayat, hanya empat dana insurans daripada tiga penanggung insurans hayat didapati tidak solven di bawah beberapa senario yang berbeza. Secara agregat, kesemua dana ini mencakupi 1.5% daripada jumlah nilai semua dana insurans hayat (Jadual 2.1). Dalam setiap kes, syarikat insurans mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menampung dana tidak solven ini. Kesan kejutan kadar faedah terhadap setiap dana sebahagian besarnya bergantung pada jenis dana (Jadual 2.2), yang mempengaruhi jangkaan aliran tunai dan kadar diskaun yang digunakan.

Jadual 2.1

Impak Penurunan Kadar Faedah Terhadap Kesolvenan Dana Insurans

Penurunan Kadar Faedah (mata asas)	Bilangan Dana yang Menjadi Tidak Solven			Saiz Dana yang Tidak Solven (% daripada Jumlah Dana Insurans Hayat)
	Sertaan	Tanpa Sertaan	Berkaitan Pelaburan	
-50	-	-	-	-
-100	-	-	-	-
-150	-	2	1	0.8
-200	-	3	1	1.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.2

Purata Sensitiviti Dana Insurans kepada Penurunan 100 Mata Asas Kadar Faedah

	Sertaan	Tanpa Sertaan	Berkaitan Pelaburan
Aset (%)	+8.0	+8.6	+5.9
Liabiliti (%)	+12.4	+15.8	+7.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan terhadap dana tanpa sertaan adalah paling ketara berbanding dengan dana lain kerana liabiliti dana tersebut semuanya dijamin, dan dengan itu dinilai menggunakan kadar diskaun bebas risiko, iaitu kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS).

Sebaliknya, dana sertaan didapati kurang sensitif kepada pergerakan kadar faedah berbanding dengan dana tanpa sertaan. Hal ini mencerminkan sifat polisi sertaan yang merangkumi kedua-dua manfaat yang dijamin dan tidak dijamin. Manfaat yang tidak dijamin mewakili bahagian keuntungan perniagaan penanggung insurans yang disumbangkan oleh pemegang polisi, yang boleh berubah mengikut masa dan bergantung pada prestasi perniagaan dan pelaburan dana tersebut. Manfaat itu dinilai menggunakan kadar hasil berasaskan dana (*fund-based yield*, FBY), yang lebih selaras dengan profil risiko dan prospek dana sertaan, sebagai kadar diskaun. Oleh yang demikian, perubahan nilai yang terhasil daripada pergerakan dalam FBY cenderung untuk menjadi kurang sensitif terhadap perubahan dalam kadar faedah berbanding dengan dana tanpa sertaan.

Dana berkaitan pelaburan juga kurang sensitif terhadap kadar faedah yang lebih rendah berbanding dengan dana tanpa sertaan. Keadaan ini mencerminkan ciri polisi berkaitan pelaburan, iaitu apa-apa peningkatan dalam kos insurans ditanggung oleh dana unit pelaburan pemegang polisi. Sekiranya dana unit pelaburan pemegang polisi semakin habis digunakan, polisi tersebut akan luput dan liabiliti insurans penanggung insurans seterusnya akan terhapus. Hal ini mengurangkan jangkaan jumlah aliran keluar bersih dan liabiliti akan datang penanggung insurans.

UJIAN TEKANAN KESOLVENAN BERBILANG TAHUN BAGI BANK DAN PENANGGUNG INSURANS

Ujian Tekanan Mengesahkan Institusi Kewangan Berdaya Tahan

Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun yang dijalankan oleh Bank meneliti kesan yang mungkin timbul daripada tekanan kewangan dan makroekonomi yang berpanjangan terhadap daya tahan setiap bank dan penanggung insurans serta sistem kewangan secara keseluruhan. Sama seperti ujian-ujian yang dijalankan sebelum ini, ujian tekanan kali ini menggunakan tiga senario, iaitu satu senario dasar dan dua senario buruk yang berbeza, untuk tempoh empat tahun (2020-2023). Senario tersebut direka khusus untuk meliputi keadaan yang amat teruk, tetapi kemungkinannya untuk berlaku adalah rendah (untuk maklumat terperinci, rujuk Rencana Maklumat 'Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan'). Meskipun perkembangan sekitar COVID-19 belum pernah berlaku sebelum ini, kesan wabak ini ke atas ekonomi berkemungkinan besar dirangkumi oleh liputan kejutan yang dikenakan di bawah senario-senario buruk ujian tekanan ini. Untuk andaian yang lebih konservatif, ujian tekanan ini tidak mengambil kira apa-apa campur tangan dasar tambahan oleh Kerajaan,[13] Bank atau pihak berkuasa yang lain, mahupun tindakan pengurusan oleh institusi kewangan itu sendiri yang boleh diambil untuk mengekalkan daya tahan institusi kewangan semasa berada di bawah tekanan. Sekiranya senario tekanan tersebut benar-benar menjadi kenyataan, besar kemungkinan institusi kewangan dan pihak berkuasa akan mengambil tindakan mengurangkan kesannya lantas menjadikan hasil ujian tekanan ini lebih baik.

Hasil keputusan ujian terkini mengesahkan bahawa sektor perbankan dan insurans mampu menghadapi tekanan yang amat teruk, memandangkan tahap modal dan penampan perolehan mereka yang sedia ada mencukupi untuk menyerap potensi kerugian dan menyokong kegiatan pemberian pinjaman. Penampan modal bank dan penangggung insurans melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada RM121 bilion dan RM23.6 bilion,[14] iaitu lebih dua kali penampan semasa Krisis Kewangan Global 2008. Memandangkan tindak balas untuk menangani COVID-19 masih berubah-ubah, baik di dalam negeri mahupun di seluruh dunia, Bank akan mengemas kini ujian tekanan pada peringkat setiap bank. Kemas kini ini bertujuan memastikan ujian tersebut mencerminkan risiko hujung yang berkaitan dan risiko besar yang diketahui apabila tempoh masa dan tahap teruknya pandemik ini menjadi lebih jelas.

Sistem kewangan kekal berdaya tahan di bawah simulasi keadaan makroekonomi dan kewangan yang buruk

Pada akhir tempoh tekanan selama empat tahun, nisbah modal sistem perbankan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.13). Hampir 90% daripada kerugian berpunca daripada kredit, kerana pinjaman yang terjejas didapati meningkat dengan nyata dalam persekitaran makroekonomi yang teruk (Rajah 2.14). Seperti ujian-ujian terdahulu, bank menanggung kerugian yang agak terhad daripada penyebab risiko yang lain (Rajah 2.15).


Sektor insurans juga mampu mengekalkan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratios*, CAR) melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.16). Bagi penanggung insurans hayat, kejutan risiko pasaran merupakan penyumbang kerugian terbesar, mencerminkan pemegangan aset kewangan mudah dipengaruhi perubahan nilai pasaran yang tinggi oleh penanggung insurans hayat. Bagi penanggung insurans am, kejutan yang berkaitan dengan tuntutan insurans motor yang lebih tinggi mengakibatkan pengurangan modal yang ketara melalui keuntungan operasi yang lebih rendah (Gambar Rajah 2.2).

[13] Termasuk jaminan pembayaran balik yang diberikan bagi hutang yang dipegang oleh institusi kewangan.

[14] Setakat bulan Februari 2020 bagi bank dan akhir tahun 2019 bagi penanggung insurans


Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan

Nisbah modal selepas kejutan kekal lebih tinggi daripada keperluan minimum




Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Selepas Kejutan

Pinjaman terjejas dijangka meningkat dengan ketara di bawah keadaan yang buruk



Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Punca Kerugian dalam Senario Buruk 2


Hampir 90% daripada kerugian berpunca daripada kredit




(% daripada jumlah kerugian)

Rajah 2.16: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal Selepas Kejutan

CAR selepas ujian tekanan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan pada 130%



Gambar Rajah 2.2: Sektor Insurans – Punca Utama Kerugian bawah Senario Buruk 1



* Kumpulan pendapatan bulanan isi rumah

Sumber: Bank Negara Malaysia

Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan

Senario buruk pertama (SB1) mensimulasikan landasan pertumbuhan KDNK berbentuk 'V', iaitu apabila Malaysia diandaikan mengalami kemelesetan yang besar, dengan magnitud yang bersamaan dengan 2.5 sisihan piawai (*standard deviation*) daripada pertumbuhan dasar pada tahun pertama tekanan. Senario ini mensimulasikan kemelesetan ekonomi yang lebih teruk daripada keadaan yang dialami semasa Krisis Kewangan Global 2008. Di bawah senario ini, kejutan terhadap pertumbuhan global melimpah ke dalam ekonomi dalam negeri lalu menyebabkan pendapatan yang lebih rendah bagi isi rumah dan firma, sentimen yang lebih lemah dalam kalangan pengguna dan sektor perniagaan, serta tekanan yang teruk dalam pasaran kewangan. Keadaan ini diikuti oleh pemulihan kukuh dalam tahun-tahun berikutnya, ekoran tindak balas dasar kitaran berbalas yang positif dan sentimen yang bertambah baik.

Dalam senario buruk kedua (SB2), landasan pertumbuhan berbentuk 'L' disimulasikan dengan penurunan kumulatif sebanyak 6 sisihan piawai daripada senario dasar untuk tempoh empat tahun. Senario ini mengandaikan persekitaran pertumbuhan lembap yang berpanjangan, yang akan menjejaskan pendapatan, kekayaan dan sentimen dalam tempoh yang lebih panjang. Hal ini diandaikan berlaku memandangkan tindak balas dasar adalah amat sedikit ataupun nyata sekali kurang berkesan. Sekali lagi dijelaskan bahawa senario tekanan ini sengaja bersifat konservatif memandangkan Kerajaan dijangka akan melaksanakan langkah-langkah besar untuk menangani kelemahan dalam ekonomi.

Jadual 2.3

Senario, Andaian dan Parameter Kejutan Ujian Tekanan Kesolvenan

Andaian Utama	SB1 – Kemelesetan Berbentuk 'V'	SB2 – Kemelesetan Berpanjangan Berbentuk 'L'
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan		
o Pertumbuhan pinjaman yang lebih lemah	o Menurun sehingga +0.5%	o Menurun sehingga -2.1%
o Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen	o Sehingga 48%	o Sehingga 21%
o Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans	o Sehingga 46%	o Sehingga 33%
Kejutan risiko kredit		
o Kebarangkalian mungkir *(Probability of default, PD)*		
• Pinjaman perniagaan	• 5% hingga 10%	• 6% hingga 12%
• Pinjaman isi rumah	• 1% hingga 14%	• 1% hingga 13%
o Kerugian akibat mungkir *(Loss given default, LGD)*		
• Pinjaman perniagaan	• 45% hingga 54%	• 46% hingga 58%
• Pinjaman isi rumah	• 18% hingga 90%	• 17% hingga 89%
o Kemungkiran syarikat korporat bukan kewangan tertentu dengan peminjaman yang besar daripada sistem kewangan	o Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (di bawah ambang kehematan) di bawah simulasi kejutan	
Kejutan risiko pasaran		
o Peningkatan tahunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	o Sehingga 86 mata asas	o Sehingga 71 mata asas
o Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat	o Sehingga 103 mata asas	o Sehingga 79 mata asas
o Penurunan tahunan FBM KLCI	o Sehingga 34%	o Sehingga 17%
o Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	o 10% hingga 19%	o 4% hingga 8%
Kejutan risiko pendanaan luar		
o Kebalikan *(reversal)* tuntutan oleh bank bukan pemastautin	o Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit	o Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit
Kejutan risiko insurans am		
o Peningkatan dalam nisbah tuntutan	o Sehingga 30%	o Sehingga 16%
Kejutan risiko penularan		
o Antara bank	o Kemerosotan kesolvenan bank rakan niaga	
o Bank-bank kepada penanggung insurans	o Kemerosotan nilai bon yang diterbitkan oleh bank yang gagal ujian tekanan di bawah senario buruk	

Sumber: Bank Negara Malaysia